



**PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 4/2024**

**KADAR YURAN PENGAJIAN PROGRAM PRASISWAZAH DAN ASASI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN BAGI KEMASUKAN LALUAN KEDUA  
(PRIVATE WING)**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 8/2024 (Kali ke-180) yang bersidang pada 25 Ogos 2024 telah bersetuju meluluskan kadar yuran pengajian program prasiswazah dan asasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi kemasukan Laluan Kedua (Private Wing).
3. Keterangan berhubung kemasukan Laluan Kedua (Private Wing) adalah seperti berikut:
  - a) Program yang ditawarkan secara laluan kedua selain dari Saluran Perdana UPU. Ia adalah saluran alternatif untuk pengambilan pelajar bagi program pengajian Sarjana Muda dan Asasi di UMK. Pengambilan pelajar melalui Laluan Kedua (Private Wing) UMK terbuka untuk pelajar Tempatan dan Antarabangsa yang memenuhi syarat kelayakan minimum ditetapkan bagi sesuatu program pengajian dan bergantung kepada kekosongan yang diperuntukkan;
  - b) Penawaran Program Pengajian Laluan Kedua (Private Wing) UMK merupakan laluan kedua yang disasarkan kepada pelajar yang gagal mendapat tempat melalui kemasukan Saluran Perdana (UPU online);

- c) Penawaran kemasukan Laluan Kedua (Private Wing) UMK bertujuan untuk meningkatkan bilangan pengambilan pelajar dan tidak menjelaskan kualiti dan prestasi pengajaran dan pembelajaran;
  - d) Pelajar kemasukan Laluan Kedua (Private Wing) UMK akan mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dan menikmati kemudahan yang sama dengan pelajar kemasukan Saluran Perdana;
  - e) Sebagai permulaan, Universiti memberikan keutamaan kepada lima (5) program pengajian yang popular dibuka kemasukan melalui Laluan Kedua iaitu:
    - i. Doktor Perubatan Veterinar (FPV)
    - ii. Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian (FSDK)
    - iii. Sarjana Muda Perakaunan dengan kepujian (FKP)
    - iv. Sarjana Muda Kesuhawanan (Logistik dan Perniagaan Pengedaran) dengan kepujian (FKP)
    - v. Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dengan kepujian (FKP)
  - f) Program prasiswazah lain dan asasi juga boleh ditawarkan melalui kemasukan Laluan Kedua bergantung kepada permintaan dan kesesuaian.
  - g) Syarat kemasukan ke kemasukan Laluan Kedua (Private Wing) UMK adalah tidak berubah dengan syarat kemasukan sedia ada yang telah ditetapkan bagi kemasukan Saluran Perdana setiap program pengajian;
  - h) Semua Program Pengajian yang ditawarkan melalui Laluan Kedua (Private Wing) UMK adalah program yang dilaksanakan secara Tanpa Subsidi atau *Full Fees*. Pelajar yang memohon melalui Laluan Kedua (Private Wing) UMK perlu membayar Penuh Yuran Pengajian Tanpa Subsidi Kerajaan. Selain Yuran Pengajian, pelajar juga perlu membayar Yuran Pendaftaran, Yuran Perkhidmatan, Yuran Penginapan, Yuran Alumni, Yuran Graduasi dan lain-lain yuran perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Kadar Yuran Pengajian bagi kemasukan Laluan Kedua adalah seperti di **Lampiran**.
4. Pelaksanaan kemasukan Laluan Kedua bagi program dinyatakan di e (ii-v) berkuatkuasa pada Semester September Sesi Akademik 2024/2025.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. HUZILI BIN HUSSIN, A.M.P, P.M.P)**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Kelantan

**22 OKTOBER 2024**

- s.k - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
- Pendaftar  
- Semua Dekan Fakulti

## LAMPIRAN

### KADAR YURAN PENGAJIAN SALURAN KEDUA BAGI PROGRAM PRASISWAZAH DAN ASASI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bil.	Program Pengajian	Yuran Pengajian*	
		Kadar Per Kredit (RM)	Jumlah Yuran Pengajian
1	Sarjana Muda Keusahawanan (Logistik dan Perdagangan Pengedaran) dengan Kepujian	275	33000
2	Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	300	36000
3	Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian	275	33000
4	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perbankan dan Kewangan Islam dengan Kepujian	275	33000
5	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Jaminan Makanan) dengan Kepujian	275	33000
6	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Agroteknologi) dengan Kepujian	275	33000
7	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kepujian	275	33000
8	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) dengan Kepujian	275	33000
9	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Sumber Hutan) dengan Kepujian	275	33000
10	Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian	275	33000
11	Ijazah Sarjana Muda Sains Senibina dengan Kepujian	275	33000
12	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dengan Kepujian (MOD 2U21)	275	33000
13	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian	250	30000
14	Sarjana Muda Keusahawanan (Kesejahteraan) dengan Kepujian	250	30000
15	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian	250	30000
16	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Peruncitan) dengan Kepujian	250	30000
17	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) dengan Kepujian	250	30000
18	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian	250	30000
19	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian	250	30000
20	Sarjana Muda Senibina Landskap dengan Kepujian	250	30000
21	Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Keusahawanan (Kepujian)	250	30000
22	Sarjana Muda Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris (Kepujian)	250	30000
23	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kepujian	250	30000
24	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Peternakan) dengan Kepujian	250	30000
25	Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian Alam Sekitar) dengan Kepujian	250	30000
26	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) dengan Kepujian	250	30000
27	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) dengan Kepujian	250	30000
28	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Mineral dengan Kepujian	250	30000
29	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Tenaga dengan Kepujian	250	30000
30	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Analitik Alam Sekitar) dengan Kepujian	250	30000
31	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Komuniti dan Keusahawanan Sosial (Kepujian)	250	30000
32	Asasi Sains	108	5400
33	Asasi Teknologi Maklumat Huffaz	132	6600

\*Yuran Pengajian tidak termasuk yuran pendaftaran, yuran perkhidmatan, yuran penginapan, yuran graduasi, yuran alumni dan lain-lain yuran